



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN AKHBAR MENGENAI ANGKAT SUMPAAH JAWATAN
OLEH Y.A.A. TUN RAUS SHARIF DAN Y.A.A. TAN SRI DATO' SERI
ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN SEBAGAI HAKIM TAMBAHAN
BAGI MAHKAMAH PERSEKUTUAN MENURUT PERKARA 122 DAN
124 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Berikut adalah kenyataan rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia berkenaan laporan oleh portal Free Malaysia Today bertarikh 29 September 2017 bertajuk *“Lawyer: Did Raus, Zulkefli take oath as additional judges”*.

Adalah dimaklumkan bahawa Y.A.A. Tun Raus Sharif telah mengangkat sumpah jawatan sebagai Hakim Tambahan bagi Mahkamah Persekutuan pada 4 Ogos 2017 di Istana Kehakiman di hadapan Y.A.A. Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin, Presiden Mahkamah Rayuan sebelum Y.A.A. Tun pada hari yang sama mengangkat sumpah jawatan dan taat setia sebagai Ketua Hakim Negara di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V di Istana Negara.

Angkat sumpah jawatan oleh Y.A.A. Tun Raus Sharif adalah selaras dengan Perkara 124(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

*“Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan hendaklah berbuat demikian di hadapan Ketua Hakim Negara atau, **jika Ketua Hakim Negara tidak ada, di hadapan hakim yang kanan selepasnya yang ada bagi Mahkamah Persekutuan**”.*

Juga dimaklumkan bahawa Y.A.A. Tan Sri Dato’ Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin telah mengangkat sumpah jawatan sebagai Hakim Tambahan bagi Mahkamah Persekutuan pada 28 September 2017 di Istana Kehakiman di hadapan Y.A.A. Tun Raus Sharif dalam kapasiti Y.A.A. Tun sebagai Ketua Hakim Negara. Selanjutnya pada tarikh yang sama Y.A.A. Tan Sri Dato’ Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin telah mengangkat sumpah jawatan sebagai Presiden Mahkamah Rayuan di hadapan Y.A. Datuk Wira Mohtarudin bin Baki, Hakim Kanan Mahkamah Rayuan.

Angkat sumpah jawatan oleh Y.A.A. Tan Sri Dato’ Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin sebagai Hakim Tambahan bagi Mahkamah Persekutuan adalah turut dibuat selaras dengan Perkara 124(4) Perlembagaan Persekutuan dan sumpah jawatan sebagai Presiden Mahkamah Rayuan adalah dibuat menurut Perkara 124(2A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

“Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi Presiden Mahkamah Rayuan hendaklah berbuat demikian di hadapan hakim kanan yang ada bagi Mahkamah Rayuan”.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan telah mengangkat sumpah sebagai Hakim Tambahan bagi Mahkamah Persekutuan sebelum mereka mengangkat sumpah sebagai Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

03 Oktober 2017